

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

14. Bekalan elektrik di Jeti Nelayan Changkat perlu dibekalkan bagi  
keselesaan nelayan yang hendak pergi ke laut pada waktu  
malam atau subuh.
- (a) Bilakah kerja-kerja bekalan elektrik bagi Jeti Nelayan  
Changkat akan dijalankan dimana isu ini sudah banyak kali  
dibangkit kepada pihak berkenaan?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pada tahun 2018  
bagi kerja – kerja membekal tenaga elektrik di Jeti Nelayan  
Changkat, Seberang Perai Selatan berjumlah RM200,000.00.  
Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Pulau  
Pinang (JKR).
- Pada ketika ini, JKR telah melantik perunding untuk menjalankan  
*survey plan* bermula 18 Julai hingga 10 Ogos 2018 sebelum  
dikemukakan kepada Pihak Tenaga Nasional Berhad bagi tujuan  
kelulusan. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tahun  
semasa.